

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.K.02.01/10.12/2 Jld.2 (2)

19 April 2019

13 Sya'aban 1440

PEKELILING PENTADBIRAN UTM KUALA LUMPUR BIL.1/ 2019

PENGUATKUASAAN PERATURAN PEMAKAIAN TOPI KELEDAR DALAM KAWASAN KAMPUS UTM KUALA LUMPUR

Adalah dimaklumkan bahawa Pengurusan Universiti memutuskan untuk menguatkuasakan Peraturan Pemakaian Topi Keledar dalam kampus UTM Kuala Lumpur (UTMKL) **berkuat kuasa serta-merta dari tarikh pekeliling dikeluarkan**. Perkara ini selaras dengan Panduan Keselamatan Kampus (Perkara 6.3) Keselamatan Lalulintas. Spesifikasi topi keledar adalah sepertimana yang diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

2. Denda sebanyak maksimum RM50.00 dan minimum RM25.00 (selepas rayuan yang tertakluk oleh budi bicara Pegawai Keselamatan UTM) akan dikenakan kepada staf, pelajar dan semua pihak yang berurusan di kampus UTMKL.

3. Staf yang gagal membayar denda tersebut dalam tempoh seperti yang dikuatkuasakan dalam Notis Aduan Kesalahan akan dipotong gaji manakala pelajar pula akan diambil tindakan sepertimana amalan terhadap kesalahan-kesalahan lain. Kontraktor dan pelawat pula akan diusir keluar dari kampus.

4. Sehubungan itu, semua warga UTMKL yang menggunakan motosikal di dalam kampus adalah diwajibkan memakai topi keledar.

Kerjasama dan perhatian warga kampus terhadap perkara ini amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, atas keprihatinan.

"Berkhidmat untuk Negara kerana Allah"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD SHARIL BIN ABDULLAH) S.A.P., B.C.M.

Ketua Pentadbiran UTM Kuala Lumpur

- s.k
- YBhg. Datuk Naib Canselor
 - YBhg. Dato' Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - YBrs. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - YBrs. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - YBrs. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - YBrs. Pendaftar
 - YBrs. Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Pengarah Hal Ehwal Korporat